



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

MODUL *TOP 5* KUALA LUMPUR 2026

BAHASA MELAYU TINGKATAN 5

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

1103/2(PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA



Peraturan pemarkahan ini mengandungi **15** halaman bercetak.

MARKAH PENUH: 100 MARKAH**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **4** markah

Soalan 5 : **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata bantu yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bantu dengan betul.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata bantu. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata bantu tersebut untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaanya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Membina impian dan merancang pembelajaran merupakan antara strategi yang membolehkan murid memberikan fokus terhadap peperiksaan yang akan diduduki oleh mereka. Impian boleh dijadikan penggerak atau motivasi dalaman diri untuk terus berusaha kerana tanpa usaha, kejayaan sukar dicapai. Setelah itu, pembelajaran perlu dirancang dengan baik berdasarkan kemampuan yang berteraskan impian yang hendak dicapai. Satu daripada pendekatan untuk membina impian dan strategi pembelajaran termasuklah mendampingi mereka yang telah berjaya atau dikenali sebagai "model peranan". Melalui pendekatan ini, murid mendapat maklumat langsung daripada individu yang ditemui dan mungkin mengubah persepsi mereka terhadap kepentingan pendidikan.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Kecemerlangan Akademik Membina Modal Insan Gemilang'
Oleh Dr. Abdullah Yusoff
dalam Dewan Siswa
Dewan Bahasa dan Pustaka

[8 markah]

Kata bantu

- (i) **akan**
- menunjukkan perbuatan yang akan berlaku
- (ii) **boleh**
1. tidak mustahil utk melakukan sesuatu; dapat:
 2. tidak dilarang utk melakukan sesuatu; diberi izin: membolehkan menjadikan boleh membenarkan; mengizinkan:
- (iii) **perlu**
1. keharusan (yg tidak dapat dielakkan), kemestian:
 2. menjadi kemestian (utk mendapat sesuatu dll), harus, terpaksa:
 3. harus ada (diperoleh), berguna, mustahak, penting:
 4. akan (dgn) sangat menghendaki (akan), berhajat (akan): utk melaksanakan
 5. sesuatu yg dikehendaki (dipentingkan), hajat, kepentingan:
 6. utk untuk, bagi, buat, guna: ia pergi ke sana

(iv) **hendak**

1. Ingin mempunyai, mendapat atau memperoleh sesuatu
2. bermaksud akan; mahu akan:
3. untuk; bagi: Dia tidak ada wang - membayar hutang. -lah tidak dpt tidak, mesti; patut. ~nya sebaik- baiknya; mengingini; memerlukan:

(v) **telah**

- kata bantu yg menyatakan sesuatu perbuatan sudah berlaku atau sudah berlangsung: setelah sesudah; selepas; sehabis: ~ makan tengah hari, kami pun meneruskan perjalanan

[Maksimum : 8 markah]

Contoh jawapan calon

1. Kata Bantu : boleh ✓ Ayat : Saya boleh menulis dengan menggunakan pengkalfaitan satu karangan pendek dalam masa setengah jam ✓	2. Kata Bantu : perlu ✓ Ayat : Kita perlu bekerjasama memelihara alam sekitar ✓
3. Kata Bantu : termasuk ✓ Ayat : Semua murid yang berada di padang itu sedang bermain - bola sepak termasuk Nii ✓	4. Kata Bantu : yang ✓ (kata hubung) Ayat : Sari merupakan salah satu jenis sayur yang amat berkhasiat. ↳ Nii pun makan biskut nanas yang sedap itu ✓
5. Kata Bantu : hendak ✓ Ayat : Kita hendak menjaga kebersihan diri ✓	6. Kata Bantu : telah ✓ Ayat : Ai Ling telah membeli sebuah rumah yang besar ✓

Soalan 2 - Sintaksis

Cerakinkan ayat majmuk kepada enam ayat tunggal

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Cerakinkan ayat majmuk dalam petikan di bawah kepada enam ayat tunggal. Anda tidak boleh mengubah struktur dan maksud asal petikan.

Cerun yang tidak diselenggarakan dengan baik menjadi punca kejadian tanah runtuh yang boleh mengancam nyawa manusia. Saluran air yang tersumbat menyebabkan penahan cerun retak dan memecahkan dinding penahan cerun. Penduduk di kawasan berhampiran dengan cerun wajar melakukan pemantauan secara berkala untuk memastikan saluran air tidak tersumbat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memperkasakan Sektor Kemahiran Negara'
Berita Harian, 5 Oktober 2018

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- | | Markah |
|--|--------|
| (i) Cerun yang tidak diselenggarakan dengan baik menjadi punca kejadian tanah runtuh. | 1 |
| (ii) Kejadian tanah runtuh boleh mengancam nyawa manusia. | 1 |
| (iii) Saluran air yang tersumbat menyebabkan penahan cerun retak. | 1 |
| (iv) Saluran air yang tersumbat memecahkan dinding penahan cerun. | 1 |
| (v) Penduduk di kawasan berhampiran dengan cerun wajar melakukan pemantauan secara berkala. | 1 |
| (vi) Pemantauan secara berkala memastikan saluran air tidak tersumbat. | 1 |

SULIT

1103/2 (PP)

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan**Bahan 1**

- | | | | |
|-------|----------------|---|---------------------|
| (i) | pada masa kini | - | pada masa ini/ kini |
| (ii) | dari | - | daripada |
| (iii) | perlukan | - | memerlukan |
| (iv) | tanggung jawab | - | tanggungjawab |
| (v) | memberi | - | memberikan |
| (vi) | insentif | - | inisiatif |
| (vii) | demi untuk | - | demi / untuk |

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

- | | | | |
|-------|--------------|---|------------------|
| (i) | Kasihi | - | Cintai / Sayangi |
| (ii) | sampah-sarap | - | sampah sarap |
| (iii) | kuantiti | - | kualiti |
| (iv) | dari | - | daripada |
| (v) | melebihi | - | berlebihan |
| (vi) | aquatik | - | akuatik |

[Maksimum : 5 markah]

Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut urutan**Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4**

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	

Deskripsi	Markah
	6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5-6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
-Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Setelah dia berfikir, Patih Gajah Mada teringat akan Petala Bumi./ Patih Gajah Mada segera menyuruh **orangnya bertanya** kepada isteri Petala Bumi/ sama ada anaknya yang bernama Kertala Sari/ yang pergi mencuri ke Daha itu, sudah pulang dari Daha atau belum/tidak. **Orang suruhan** Patih Gajah Mada **pergi berjumpa** dengan isteri Petala Bumi.

[Maksimum :6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- | | | |
|------|-------------------------------------|--|
| (i) | Ilmu pelita hidup | 1 |
| | Maksud: | ilmu pengetahuan merupakan cahaya yang menerangi jalan hidup, memberikan petunjuk, dan memandu seseorang ke arah kehidupan yang lebih bijak, bahagia, dan berakhlak mulia. Ia menekankan kepentingan menuntut ilmu dunia dan akhirat dari muda hingga tua untuk mengelakkan kesesatan. |
| | Contoh ayat: | Sebagai pelajar, kita harus rajin membaca buku demi masa depan bak kata peribahasa, ilmu pelita hidup |
| | | 1 |
| | | [Lihat halaman sebelah |
| (ii) | Alang-alang mandi biar basah | 1 |
| | Maksud: | membuat sesuatu pekerjaan itu biarlah sehingga selesai dan sempurna, tidak secara separuh jalan atau tanggung. |
| | Contoh ayat: | Walaupun projek ini sukar, saya akan teruskan sehingga berjaya kerana alang-alang mandi biar basah. |
| | | 1 |

SULIT**1103/2 (PP)**(iii) **Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih**

1

Maksud: bermaksud jika seseorang benar-benar mahukan sesuatu, mereka akan berusaha sedaya upaya (mencari jalan) untuk mencapainya, sebaliknya jika tidak mahu, seribu alasan (dalih) akan diberikan. Ia menekankan kepentingan tekad, semangat, dan usaha gigih dalam mengatasi halangan.

Contoh ayat: Walaupun sibuk bekerja, Siti tetap meluangkan masa belajar menjahit bak kata pepatah, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

1

[Maksimum : 4 markah]**Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut urutan****BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:Soalan 6 : **12 markah**Soalan 7 : **13 markah**Soalan 8 : **10 markah****Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugas/ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat tidak gramatis	1
Jawapan salah	0

[Lihat halaman sebelah]

3. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

4. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

 SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Soalan 6

(i) Maksud mengandungi sebatian

- mempunyai campuran
- mempunyai sebatian
- mengandungi campuran

Markah

2
1
1

Bahan 1

Herba mengandungi pelbagai manfaat kepada kesihatan manusia kerana herba mengandungi sebatian aktif semula jadi yang membantu untuk meningkatkan daya tahan tubuh dan menyokong fungsi organ. Contohnya, beberapa jenis herba tumbuh liar di Malaysia telah banyak digunakan dalam perubatan tradisional sejak zaman dahulu, termasuklah tumbuhan yang dipercayai membantu sistem penghadaman dan pernafasan.

Dalam masa yang sama, industri herba membuka peluang ekonomi melalui produk makanan tambahan dan bahan kosmetik berasaskan bahan semula jadi. Walau bagaimanapun, generasi muda kurang berminat terhadap produk herba kerana kurangnya pendedahan cara penggunaan yang betul dalam kehidupan harian.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Herba: Khasiat Buah Zaitun Sarawak'
Dewan Kosmik

Bahan 2

Tanaman herba mudah didapati terus dari kawasan hutan atau melakukan proses perkembangan tanaman daripada benih yang diperolehi. Herba bukan sahaja boleh digunakan sebagai bahan penyedap dalam masakan, malah turut digunakan untuk tujuan perubatan terutamanya dalam kaedah perubatan tradisional. Kaedah perubatan tradisional menggunakan herba bukan sahaja terdapat di negara ini tetapi amalan ini turut dipraktikkan di seluruh pelosok dunia mengikut budaya masing-masing.

Berpandukan maklumat daripada Jabatan Perhutanan Malaysia, terdapat beberapa jenis tumbuhan atau herba sama ada dari hutan atau di sekeliling penempatan manusia yang mempunyai pelbagai kelebihan. Tiada cara untuk mengetahui dengan tepat budaya terawal menggunakan herba tetapi mereka telah mengambil masa selama beribu-ribu tahun bereksperimen dengan penggunaan herba.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Herba dan Manfaat Penggunaan terhadap Manusia',
oleh Farah Aziz, Hello Doktor, 18 Jun 2020.

(ii) Kebaikan yang diperolehi daripada tanaman herba:

Bahan 1

- P1 membantu untuk meningkatkan daya tahan tubuh dan menyokong fungsi organ
- P2 membantu sistem penghadaman dan pernafasan
- P3 membuka peluang ekonomi melalui produk makanan tambahan dan bahan kosmetik berasaskan bahan semula jadi.

Bahan 2

- P1 boleh digunakan sebagai bahan penyedap dalam masakan
- P2 untuk tujuan perubatan, terutamanya dalam kaedah perubatan tradisional

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.



[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempopularkan perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat

P1 mengumpulkan dan membukukan ilmu perubatan tradisional/ **penyelidikan**

P2 membenarkan ubat-ubatan tradisional dijual di klinik atau hospital awam dan swasta

P3 **mengadakan kempen** penggunaan ubat-ubatan tradisional

P4 **mempromosikan** produk herba yang berkualiti dan berdaftar

P5 **memberikan pendedahan** kepada generasi muda/ anak-anak tentang khasiat herba

Nota : Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai.

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Saranan yang boleh anda sampaikan kepada rakan anda

P1 memastikan produk ubat-ubatan tersebut berdaftar dengan pihak berkuasa berkenaan seperti Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD)/ Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

P2 menyemak kesahihan nombor pendaftaran pada produk tersebut

P3 membuat laporan kepada pihak berkuasa jika menjumpai ubat tiruan

P4 mendapatkan khidmat nasihat pegawai perubatan terlebih dahulu sebelum membeli ubat-ubatan tersebut

P5 merujuk testimoni pengguna lain

Nota : Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

(i) Maksud generasi material

- kumpulan / angkatan kebendaan 2
- kumpulan / angkatan material 1
- generasi kebendaan 1

Bahan 1

Cerita bonda suatu hari tatkala saya asyik membelek-belek kitab-kitab lama bertulisan Jawi di dalam almari yang memperincikan sejarah asal usul bumi mewah ini. Saya pandang mata bonda dalam-dalam mencari pengertian sebenar. Saya anak generasi baharu yang belum mengerti segala-galanya itu. Saya faham bonda hanya ingin **menghidupkan roh patriotisme dan jati diri dalam diri saya**. Semangat cinta akan bangsa sendiri kian terhakis dalam jiwa anak-anak *generasi material* ini. Harapan bonda moga-moga saya **menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa saya sendiri** sedikit demi sedikit mula terhakis di atas tanah sendiri.

Dipetik daripada cerpen
'Munsi' antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Melayu Bangsaku

Melayu bangsaku,
berakar di tanah sejarah,
berpayung adat dan bahasa,
teguh berdiri menepis zaman.

Pantun berlagu di hujung bibir,
budi disulam dalam setiap tutur,
warisan nenek moyang kau junjung,
tidak luput ditelan arus moden.

Selagi jati diri dipertahankan,
selagi maruah dijaga rapi,
Melayu bangsaku akan terus mekar,
menjadi cahaya di bumi pertiwi

Mawar Berduri
Kuala Lumpur, 2026

(ii) Dua harapan yang ingin diketengahkan oleh penulis

Bahan 1

- P1 menghidupkan roh patriotisme dan jati diri **dalam diri (saya)**
- P2 **Mejadi pejuang yang** berani mempertahankan nilai dan kepentingan **bangsa saya sendiri.**

Bahan 2

- P1 Tetap teguh sepanjang zaman (*teguh berdiri menepis zaman*)
- P2 Warisan nenek moyang perlu **diangkat/** dijunjung/ **mengangkat warisan nenek moyang** (*Warisan nenek moyang kau junjung*)
- P3 Bangsa Melayu akan terus berkembang/ maju (*Melayu bangsaku akan terus mekar*)

Nota: Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Punca – punca remaja sekarang semakin hilang nilai – nilai patriotik dalam diri.

- P1 terpengaruh oleh budaya barat/ budaya kuning
- P2 kurang penghayatan terhadap sejarah negara
- P3 kurang peranan ibu bapa
- P4 sikap individualistik/ materialistik

- P5 kurang pendedahan kepada program kenegaraan
 P6 kurangnya penghayatan nilai agama dan moral

(Punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
 [Isi cukup : 3 isi]

(iv) Tindakan yang akan saya ambil untuk memastikan murid menyelesaikan perkara tersebut

- P1 menegur / menasihati murid tersebut.
 P2 melaporkan kepada guru
 P3 membantu/mengajar murid tersebut memasang bendera dengan betul
 P4 menanyakan sebab berbuat demikian

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
 [Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

[Lihat halaman sebelah

(i) Tindakan/ **perkara yang berlaku kepada 'aku'** apabila rindunya terhadap Aiman terlalu memuncak:

- P1 Menyebabkan air mataku mengalir menuruni cerun-cerun pipiku tanpa kusedari
 P2 Kucuba untuk membayangkan wajahnya.
 P3 Kuambil potretnya yang kuletakkan di atas sebuah meja kecil di **sebelah katilku.**
 P4 Kutatap berulang kali dan kudakapkan ke dada.

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

[Maksimum : 4 markah]
 [Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

- Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.
- Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- Bagi 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/ huraian/ huraian.
- Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
 Baik : 2 markah
 Lemah : 1 markah
- Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- Calon tidak menjawab 0 markah.

Peristiwa yang menjadi cabaran dalam masyarakat

NOVEL LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA karya Abdul Latip Talib:

1. **Peristiwa:** Adnan ingin menjadi askar tetapi hasratnya mendapat tentangan daripada ibunya. Ibu Adnan membantah hasrat Adnan yang ingin menjadi askar kerana pekerjaan askar tidak menjamin kehidupan Adnan.
Huraian: Peristiwa ini membawa cabaran bagi watak utama kerana menjadi askar merupakan hasratnya sejak kecil dan dia tidak ingin melepaskan peluang keemasan ini.
2. **Peristiwa:** Pak Saidi telah menghantar anaknya ke sekolah Inggeris untuk perbaiki kehidupan mereka namun telah ditentang dan dicemuh oleh masyarakat dengan menuduhnya menjadi tali barut Inggeris.
Huraian: Peristiwa ini membawa cabaran kepada seorang ayah yang ingin mengubah nasib hidup anak-anaknya menjadi lebih baik.
3. **Peristiwa:** Adnan ingin menjadi askar Melayu tetapi dihina oleh rakannya, Nordin. Nordin beranggapan bahawa Adnan merupakan penyokong orang putih sanggup menjadi pengkhianat bangsa.
Huraian: Peristiwa ini membawa cabaran kepada seorang anak muda yang mementingkan reputasi diri dan pantang dihina serta sanggup mati demi mempertahankan maruahnyanya.

NOVEL TIRANI karya Beb sabariah

1. **Peristiwa:** Waheeda membesarkan anaknya, Izzati seorang diri tanpa suami di sisi setelah diceraikan suaminya, Zahid.
Huraian: Peristiwa ini membawa cabaran kerana seorang ibu terpaksa bersusah payah membesarkan anaknya.
2. **Peristiwa:** Zahid menuduh Waheeda curang dan tidak mengaku bahawa anak perempuan yang dilahirkan Waheeda anaknya.
Huraian: Peristiwa ini menjadi cabaran seorang isteri kerana diragui suaminya.
3. **Peristiwa:** Waheeda sering diejek kawan-kawannya di sekolah kerana mempunyai wajah yang tidak cantik.
Huraian: Peristiwa ini menjadi cabaran kerana semua perempuan mengimpikan wajah yang cantik.
4. **Peristiwa:** Waheeda berani mengambil risiko membeli Chalet Iwana Iwani yang sudah muflis.
Huraian: Peristiwa ini menjadi cabaran kepada seorang pengusaha untuk memajukan syarikat yang telah muflis semula.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20 markah**
(b) Bahasa – **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :
- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima							Markah Maksimum	
(i) Pendahuluan									2	
(ii) Isi Bahan 1									16	
Fokus 1 (faktor-faktor/ sebab-sebab/ punca-punca)	4	2	3	3	4	4	2			
Fokus 2 (kesan-kesan/ impak-impak / implikasi-implikasi/ akibat-akibat)	3	2	2	2	1	2	3			
(iii) Isi Bahan 2										
Fokus 1 faktor-faktor/ sebab-sebab/ punca-punca)	4	2	1	2	1	1	2			
Fokus 2 (kesan-kesan/ impak-impak / implikasi-implikasi/ akibat-akibat)	2	2	2	1	2	1	1			
Jumlah Isi	12	8								
(v) Penutup / Kesimpulan										2
Jumlah Markah										20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah Bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan

[Lihat halaman sebelah

Baik	5 – 7 markah	• Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota :

- Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat *baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Bahan 1

Kini, akses kepada Internet telah menjadi satu keperluan dan sangat mudah dengan adanya telefon pintar, tablet dan komputer. Kanak-kanak dan remaja kini banyak meluangkan masa di media sosial seperti *TikTok* dan *YouTube* yang mendedahkan mereka kepada unsur keganasan, bahasa kasar dan tingkah laku agresif hingga mencetuskan perbuatan buli. Contohnya, mereka menganggap tingkah laku buli sebagai hebat lalu meniru perbuatan tersebut. Peningkatan perbuatan buli yang berlaku, terutamanya melibatkan murid-murid sekolah semakin merisaukan dan tingkah laku ini boleh memberikan kesan yang buruk terhadap mangsa.

Perbuatan buli akan mengganggu perkembangan emosi dan memberikan kesan serius terhadap kesihatan mental mangsa seperti mengalami kebimbangan, harga diri rendah serta gangguan termasuk fobia sosial dan serangan panik. Buli turut menjejaskan perkembangan sosial mangsa apabila mereka mula berasa takut dan hilang kepercayaan terhadap rakan sebaya atau orang sekeliling. Dalam isu ini, pembuli mungkin dipengaruhi oleh rakan sebaya yang menjadi model tingkah laku agresif. Mereka terdorong oleh norma kumpulan dan mahu mengekalkan kedudukan sosial. Keadaan ini menjadi lebih parah apabila ibu bapa juga tidak memberikan didikan agama yang sempurna kepada anak-anak mereka.

Terdapat kajian melaporkan mangsa buli sukar tidur sehingga mengalami simptom psikosomatik seperti sakit kepala dan gangguan selera makan akibat tekanan emosi yang berterusan. Oleh itu, kerjasama semua pihak diperlukan untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang lebih selamat dan sihat untuk semua murid.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Budaya Buli: Apakah Punca dan Kesannya'

BULI

Semakin panas isu bertiup
sehingga kadang tak terjangkau oleh akal sihat
trauma dihadap mangsa sepanjang hayat.
Namun tiada yang ambil peduli
khabar duka sekadar singgah
menyapa bagai sapaan angin.

Di mana ayah bonda
institusi keluarga tidak kukuh
sampai segalanya membarah membuak.
Walau isu bertiup
di mana watan
hingga ada nyawa melayang.

Nukilan,
Cikgu Anggerik, SMKSMKL

SKETSA BULI

Di sudut sekolah waktu rehat. Roy sedang menunjjal kepala Bob. Bob kelihatan ketakutan dan hampir menangis. Amir dan Siti melihat dari jauh di sebalik dinding.

- Amir : Tengok tu, Siti! Roy buli Bob lagi lah. Kesian Bob tu, diam je orangnya.
Siti : Ish, geramnya aku tengok! Kenapa Roy tu suka sangat buli orang lain?
Amir : Entahlah. Tapi aku pernah dengar cerita, kat rumah Roy tu, bapa dia garang sangat. Dia selalu kena marah buat silap sikit kena marah, kalau tak dapat markah penuh dalam periksa pun kena marah dengan teruk.
Siti : Oh... jadi dia hidup dalam tekanan keluarga. Mungkin sebab tu dia selalu nampak marah-marah kat sekolah.
Amir : A'ah, lepas tu kau ingat tak? Masa kita sekolah rendah dulu, Roy pun selalu kena buli dengan budak-budak senior, kan? Dia sendiri pernah jadi mangsa buli dulu.
Siti : Betul juga! Dulu dia selalu menangis sebab kena ejek. Sekarang dia jadi pembuli sebab ingin membalas balik rasa sakit yang dialaminya dekat orang lain?
Amir : Kesian juga dengan nasib dia sebenarnya.
Siti : Walaupun kesian, tapi perbuatan dia tetap salah. Kita tak boleh biar je.

Pendahuluan [2 markah]

SULIT**1103/2 (PP)****Markah**

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | ... membincangkan faktor-faktor/ sebab-sebab/ punca-punca mencetuskan perbuatan buli dan kesan-kesan/ impak-impak/ implikasi-implikasi/ akibat-akibat perbuatan membuli | 2 |
| P2 | ... membincangkan faktor-faktor/ sebab-sebab/ punca-punca mencetuskan perbuatan buli | 1 |
| P3 | ... membincangkan kesan-kesan/ impak-impak/ implikasi-implikasi/ akibat-akibat perbuatan membuli. | 1 |

Isi [16 markah]

[Lihat halaman sebelah]

FOKUS 1: faktor-faktor/ sebab-sebab/ punca-punca mencetuskan perbuatan buli

- | Bahan 1 | | Markah |
|----------------|---|---------------|
| A1 | kanak-kanak dan remaja kini banyak meluangkan masa di media sosial | 2 |
| A2 | pembuli mungkin dipengaruhi oleh rakan sebaya yang menjadi model tingkah laku agresif | 2 |
| A3 | ibu bapa juga tidak memberikan didikan agama yang sempurna kepada anak-anak mereka. | 2 |

Bahan 2

- | | | Markah |
|----|---|---------------|
| B1 | tidak ada yang mengambil peduli (tiada yang ambil peduli) | 2 |
| B2 | institusi keluarga tidak kukuh | 2 |

Bahan 3

- | | | Markah |
|-------|---|---------------|
| C1 | bapa dia garang sangat | |
| €2-C1 | dia hidup dalam tekanan keluarga | 2 |
| €3-C2 | dia sendiri pernah jadi mangsa buli dulu | 2 |
| C3 | dia jadi pembuli sebab ingin membalas balik rasa sakit yang dialaminya (dekat orang lain) | 2 |

FOKUS 2: kesan-kesan/ impak-impak / implikasi-implikasi/ akibat-akibat perbuatan membuli/ kesan buruk/keburukan

- | Bahan 1 | | Markah |
|----------------|---|---------------|
| D1 | mengganggu perkembangan emosi dan memberi kesan serius terhadap kesihatan mental mangsa | 2 |
| D2 | menjejaskan perkembangan sosial mangsa | 2 |
| D3 | mangsa buli sukar tidur sehingga mengalami simptom psikosomatik | 2 |

Bahan 2**Markah**

SULIT**1103/2 (PP)**

- | | | |
|----|---|---|
| E1 | trauma dihadapi mangsa sepanjang hayat/ mangsa menghadapi trauma sepanjang hayat
(<i>trauma dihadap mangsa sepanjang hayat</i>) | 2 |
| E2 | Sehingga kehilangan nyawa/ kematian
(<i>hingga ada nyawa melayang</i>) | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, perbuatan buli perlu diatasi/ ditangani/ dibendung/ dihindari agar dapat mewujudkan negara yang aman sejahtera. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, perbuatan buli perlu diatasi/ ditangani/ dibendung/ dihindari. | 1 |

Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**